



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/97
PENGUNAAN BORANG BARU UNTUK MEMBAHARUI SIJIL PENDAFTARAN
PENYEDIA LATIHAN DI BAWAH SKIM PROLUS

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pihak Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah mengeluarkan borang baru untuk membaharui sijil pendaftaran penyedia latihan iaitu borang MPSM/PRO(P)/1/97 bagi menggantikan borang yang lama iaitu MPSM/PRO/1/93.

3. Tujuan borang baru ini diperkenalkan ialah untuk memudahkan pihak Penyedia Latihan dan pihak Majlis di dalam urusan pembaharuan sijil. Walaubagaimanapun bagi urusan perpindahan dan penambahan pejabat cawangan, penggunaan borang MPSM/PRO/1/93 adalah dikekalkan.

4. Bersama-sama ini disertakan borang MPSM/PRO(P)/1/97 yang akan mula berkuatkuasa penggunaannya mulai 1 Jun 1997.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(SHAHRIK BIN HASSAN)

b.p Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

